

Sifat *al-Qudrah*, *al-Iradah* dan *al-'Ilm* di Sisi al-Qadariyyah dan Hubungannya dengan Kebebasan Kehendak Manusia

BITARAVolume 2, Issue 3, 2019: 103-113
© The Author(s) 2019
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Muhammad Khairul Ikhwan Mohamed Nasir¹ & Mohd Haidhar Kamarzaman¹

Abstrak

Aliran Al-Qadariyyah merupakan antara aliran akidah yang terawal muncul dalam sejarah Islam. Aliran ini berpegang dengan fahaman *al-qadr* yang menegaskan bahawa perbuatan yang dilakukan oleh manusia ditentukan mengikut kemahuannya sendiri, bukannya ditakdirkan dengan qadar Allah Taala. Al-Qadariyyah mengadakan fahamannya ini untuk mempertahankan taklif supaya setiap hamba bertanggungjawab dalam setiap perbuatannya. Bagi mengukuhkan lagi fahamannya ini, Al-Qadariyyah didapati telah memberikan pandangannya berkaitan sifat Allah *al-Qudrah*, *al-Iradah* dan *al-'Ilm*. Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah pertamanya untuk mengkaji pandangan Al-Qadariyyah tentang sifat *al-Qudrah*, *al-Iradah* dan *al-'Ilm*. Keduanya ialah untuk mengkaji hubungan pandangan Al-Qadariyyah tentang sifat *al-Qudrah*, *al-Iradah* dan *al-'Ilm* dalam mengukuhkan fahaman Al-Qadariyyah tentang kebebasan kehendak manusia. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis persejarahan dalam mengumpul dan menganalisis data-data yang diperolehi daripada sumber-sumber primer dan sekunder. Hasil kajian menunjukkan bahawa Al-Qadariyyah telah menafikan sifat Allah *al-Qudrah*, *al-Iradah* dan *al-'Ilm* daripada terlibat dalam urusan penciptaan dan penentuan perbuatan hamba. Penafian Al-Qadariyyah terhadap sifat-sifat Allah ini didapati mengukuhkan lagi fahaman mereka tentang kebebasan kehendak manusia. Dengan menafikan sifat-sifat Allah tersebut, setiap hamba dianggap bebas melakukan sebarang perbuatannya mengikut kemahuannya sendiri tanpa terikat dengan kuasa, kehendak dan ilmu Allah Taala. Natijahnya, setiap hamba akan dipertanggungjawabkan di atas setiap perbuatannya kerana perbuatan-perbuatannya lahir daripada diri hamba sendiri dan bukannya daripada Allah.

Kata Kunci:

Al-Qadariyyah, *al-Qudrah*, *al-Iradah*, *al-'Ilm*, kebebasan kehendak

Cite This Article:

Muhammad Khairul Ikhwan Mohamed Nasir & Mohd Haidhar Kamarzaman. 2019. Sifat *al-qudrat*, *al-iradah* dan *al-'ilm* di sisi al-Qadariyyah dan hubungannya dengan kebebasan kehendak manusia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 103-113.

Pengenalan

Fahaman al-Qadariyyah mula muncul dalam sejarah Islam ketika di penghujung zaman Sahabat iaitu kira-kira pada tahun 90 Hijrah. Fahaman ini terbentuk hasil daripada perselisihan umat Islam ketika itu pada isu qadar dan kemampuan yang merupakan isu akidah pertama yang

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Mohd Haidhar Kamarzaman, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: haidhar@ukm.edu.my

timbul dalam kalangan umat Islam (al-Baghdadi, 2010: 42; Mohd Haidhar, 2013: 66). Fahaman utama yang dibawa oleh al-Qadariyyah ialah fahaman *al-qadr* atau kini lebih dikenali sebagai fahaman kebebasan kehendak. Fahaman ini berpegang bahawa manusia menentukan perbuatannya melalui qadar yang telah ditetapkan dalam dirinya tanpa memerlukan qadar Allah Taala (al-Ash'ari, 1976: 197).

Pada mulanya, al-Qadariyyah melahirkan fahamannya ini untuk menentang pimpinan Bani Umayyah yang menjustifikasi kezaliman mereka terhadap rakyat dengan alasan bahawa ia adalah dengan takdir Allah. Sudah menjadi kebiasaan bahawa tindakan Bani Umayyah ini pasti akan mengundang penentangan daripada kalangan rakyat. Ini seterusnya mencetuskan pemahaman dalam kalangan rakyat bahawa pemikiran *al-jabr* yang diterapkan oleh Bani Umayyah adalah salah dan manusia bebas memilih untuk melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan (Mahmud, t.th: 145-146).

Tokoh pertama yang bertanggungjawab mengasaskan fahaman al-Qadariyyah ialah Ma'bad al-Juhani. Ma'bad sangat menentang justifikasi Bani Umayyah terhadap kezaliman mereka sehingga apabila beliau sebarang justifikasi tersebut, beliau akan menolaknya dengan berkata: "Tiada qadar dan perkara itu mendahulu" (Abu Zuhrah, t.th: 106). Setelah Ma'bad meninggal dunia, perjuangan al-Qadariyyah ini diteruskan pula oleh Ghaylan al-Dimashqi. Ghaylan tidak berahsia dalam menyebarkan fahamannya, bahkan beliau menyebarkannya secara terang-terangan sehingga Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz juga pernah diajak kepada berpegang dengan al-Qadariyyah melalui perutusan surat daripada Ghaylan kepadanya (al-Nashshar, 1995: 322).

Setelah kematian Ghaylan, penyebaran fahaman al-Qadariyyah diteruskan oleh pengikut-pengikutnya yang diberi nama al-Ghaylaniyyah. al-Ghaylaniyyah adalah gerakan politik yang diasaskan oleh Ghaylan untuk menentang kezaliman Bani Umayyah terhadap masyarakat dan ekonomi yang telah dilakukan atas justifikasi takdir Tuhan (al-Nashshar, 1995: 326). Gerakan ini turut disertai oleh Yazid bin al-Walid yang juga berpegang dengan al-Qadariyyah ('Utwan, t.th: 318). al-Ghaylaniyyah dan Yazid berjaya meruntuhkan kezaliman Bani Umayyah dengan menggulingkan pemerintahan Khalifah al-Walid bin Yazid pada tahun 126 Hijrah dalam sebuah perperangan yang besar antara mereka (al-Nashshar, 1995: 326). Namun begitu, fahaman al-Qadariyyah akhirnya mundur dan para pengikutnya semakin pupus setelah kemangkatan Khalifah Yazid bin al-Walid. Khalifah Yazid mangkat pada tahun 126 Hijrah akibat daripada penyakit taun (al-Suyuti, 2003: 202).

Meskipun fahaman kebebasan kehendak dilihat lebih bertumpu kepada sudut manusia, akan tetapi sebenarnya al-Qadariyyah juga memberikan tumpuan kepada sudut Tuhan dalam pegangannya. al-Qadariyyah didapati pernah memberikan pandangan mereka mengenai *qudrat*, *iradah* dan *ilm* Allah berhubung dengan perbuatan yang dilakukan oleh hamba. al-Qadariyyah tidak memberikan sebarang pendapat melainkan pendapat itu dapat menyokong konsep *af'al al-'ibad* mereka. Maka persoalannya, bagaimanakah pandangan al-Qadariyyah tentang *qudrat*, *iradah* dan *ilm* Allah dapat menyokong konsep *af'al al-'ibad* mereka?

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Melalui reka bentuk ini, bahan atau sumber kajian yang digunakan ialah bahan atau sumber yang bersifat tulisan sepenuhnya daripada sumber primer dan juga sumber sekunder. Manakala tatacara pengumpulan dan tatacara penganalisisan data pula, data-data yang telah diperolehi telah melalui kaedah analisis kandungan dan analisis persejarahan yang melibatkan proses kritikan luaran dan dalaman pada data-data yang telah diperolehi.

Pandangan al-Qadariyyah tentang Qadar dan Perbuatan Hamba

Berkenaan dengan qadar dan perbuatan hamba, al-Qadariyyah berpendapat bahawa perbuatan hamba ditakdirkan oleh hamba sendiri. Mereka beranggapan setiap hamba mentakdirkan perbuatannya menerusi qadar yang ada dalam diri mereka. al-Imam al-Ash'ari (1976: 197) menyebutkan bahawa al-Qadariyyah menetapkan qadar ke atas perbuatan hamba kepada diri hamba, serta tidak menetapkan qadar tersebut kepada Allah Taala. Menurut al-Baijuri (2012: 187), al-Qadariyyah menafikan bahawa setiap perkara yang berlaku telah pun ditentukan sejak azali lagi oleh Allah Taala. Perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan oleh seseorang hamba juga tidak ditentukan sejak azali lagi oleh Allah menerusi qadarNya. Oleh yang demikian, di sisi al-Qadariyyah, takdir dan penentuan perbuatan hamba adalah urusan hamba dan bukan urusan Allah Taala.

Lebih dari itu, al-Qadariyyah berpendapat bahawa perbuatan yang dilakukan oleh hamba adalah ciptaan hamba dan bukan ciptaan Allah. Apabila seseorang hamba memiliki qadar ke atas perbuatannya, maka hamba tersebut berkuasa dan berkemampuan untuk mengadakan perbuatannya. Menurut al-Baghdadi (1928: 135), al-Qadariyyah berpendapat setiap hasil dapatan yang diusahakan oleh hamba adalah ciptaan hamba. Perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh haiwan juga dicipta oleh haiwan itu sendiri, bukannya dicipta oleh Allah Taala. Ibn Qayyim (t.th: 109) pula menyebutkan bahawa al-Qadariyyah berpandangan setiap amalan ketaatan hamba termasuk amalan para malaikat, para rasul, para nabi dan orang-orang yang beriman adalah merupakan ciptaan hamba-hamba itu sendiri. Maka, dalam hal ini pula di sisi al-Qadariyyah, penciptaan perbuatan hamba juga merupakan urusan hamba dan bukan urusan atau tugas Allah Taala.

Di samping itu, al-Qadariyyah turut berpegang bahawa perbuatan hamba adalah mengikut kemahuhan hamba sendiri. Menurut Muhammad Abu Zuhrah (t.th: 106), al-Qadariyyah menafikan bahawa perbuatan hamba terjadi dengan mengikut kehendak Allah, sebaliknya al-Qadariyyah menegaskan bahawa perbuatan hamba terjadi dengan mengikut kemahuhan hamba sahaja. Jika seseorang hamba melakukan sesuatu perbuatan, maka ia adalah daripada kemahuannya sendiri untuk melakukan perbuatan itu. Jika seseorang tidak melakukan sesuatu perbuatan, maka ia juga adalah daripada kemahuannya sendiri untuk tidak melakukan perbuatan itu. Melalui penetapan kemahuhan kepada hamba inilah fahaman al-Qadariyyah dinamakan dengan beberapa istilah *al-ikhtiyar*, *al-iradah al-hurrah*, dan kebebasan kehendak.

Bagi menyokong pendapat mereka ini, al-Qadariyyah telah menggunakan dalil nas daripada al-Quran. Mereka menggunakan ayat ke-29 daripada Surah al-Kahfi sebagai hujah bagi membenarkan pendapat mereka berkenaan kemahuan hamba ke atas perbuatannya. Khalifah ʻUmar bin ʻAbd al-ʻAziz di dalam risalah penolakannya terhadap al-Qadariyyah telah menyebutkan (al-Asfahani, 1996: 346):

Kamu (al-Qadariyyah) menyangka dengan kejahilan kamu pada firman Allah Taala: [Maka sesiapa mahu beriman, hendaklah ia beriman dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biar dia mengingkarinya] bahawa kemahuan itu pada mana-mana yang kamu suka, kamu pasti akan lakukan daripada kesesatan mahupun hidayah.

Berdasarkan petikan di atas, al-Qadariyyah telah menggunakan ayat al-Quran sebagai dalil bagi pegangan mereka berkenaan kemahuan hamba. Perkara ini menunjukkan bahawa al-Qadariyyah tidak hanya bergantung kepada dalil akal sahaja, malah mereka juga menggunakan dalil nas sebagai hujah dalam pendapat mereka (Muhammad Hazim & Syed Mohammad Hilmi, 2018: 293). Akan tetapi, al-Qadariyyah telah memahami ayat al-Quran di atas menerusi kerangka pemikiran akidah mereka. Natijahnya, mereka menggunakan ayat al-Quran di atas sebagai hujah bahawa setiap perbuatan hamba, sama ada baik mahupun buruk, adalah daripada kemahuan hamba sendiri dan bukan daripada kehendak Allah.

Dalam sejarah Islam, individu pertama yang menafikan qadar Allah daripada perbuatan hamba adalah Ma'bad al-Juhani. Beliau berbuat demikian bagi menentang gejala doktrin *al-jabr* di zamannya. Beliau menentang mereka yang menggunakan takdir Allah sebagai alasan untuk membenarkan perbuatan maksiat mereka. Mereka menjustifikasi perbuatan maksiat mereka dengan mengatakan bahawa ia berlaku dengan takdir daripada Allah. Oleh itu, sebagai respons terhadap gejala tersebut, Ma'bad al-Juhani berkata kepada mereka: "Tiada qadar dan perkara itu mendahului" (Abu Zuhrah, t.th: 106):

Kata-kata Ma'bad al-Juhani di atas jelas menunjukkan pendapatnya berkenaan *af'al al-'ibad*. Melalui kata-katanya itu, Ma'bad telah menafikan bahawa suatu perkara itu telah ditakdirkan oleh Allah Taala sejak azali lagi. Dengan ini, Ma'bad telah menolak kenyataan mereka yang telah terpengaruh dengan doktrin *al-jabr* itu tadi, dengan mengatakan bahawa maksiat dan kezaliman yang mereka lakukan itu tidak terjadi dengan takdir Allah. Pendapat Ma'bad ini kemudiannya diikuti oleh tokoh al-Qadariyyah yang seterusnya iaitu Ghaylan al-Dimashqi. Menurut al-Shahrastani (2005: 93), Ghaylan al-Dimashqi berpegang bahawa setiap hamba memiliki qadar baik dan qadar buruk. Melalui qadar tersebut, setiap hamba berkuasa menentukan sebarang perbuatannya sama ada perbuatan baik mahupun perbuatan jahat.

Secara keseluruhannya, dalam isu *af'al al-'ibad*, al-Qadariyyah berpegang dengan pendapat bahawa perbuatan hamba adalah daripada hamba bukan daripada Allah. Di sisi al-Qadariyyah, perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh seseorang hamba telah ditakdirkan, ditentukan dan diadakan oleh hamba sendiri sebagai pelaku bagi perbuatan-perbuatan tersebut. Allah Taala pula tidak mentakdirkan dan tidak mencipta perbuatan-perbuatan hamba serta tidak menentukannya dengan qadarNya. al-Qadariyyah juga berpendapat bahawa perbuatan hamba adalah mengikut kemahuan hamba dan bukan mengikut kehendak Allah. al-Qadariyyah telah menggunakan dalil nas iaitu ayat ke-29 daripada Surah al-Kahfi sebagai hujah bagi menyokong

pendapat mereka tentang kemahuan hamba ini. Ini menunjukkan al-Qadariyyah tidak hanya bergantung kepada dalil akal semata-mata, akan tetapi juga bergantung kepada dalil nas.

Pandangan al-Qadariyyah tentang Sifat *al-Qudrah*

Bagi mengukuhkan lagi fahaman akidah mereka, al-Qadariyyah juga melahirkan pandangan berkenaan *qudrah*, *iradah* dan *‘ilm* Allah ke atas perbuatan hamba. Mereka berbuat demikian bagi menentang dakwaan-dakwaan yang telah dikeluarkan oleh para pengikut al-Jabariyyah. Kecenderungan al-Jabariyyah lebih bertumpu kepada sudut Tuhan berbanding sudut hamba dalam isu *af‘al al-‘ibad*. Oleh sebab itu mereka menisahkan hakikat perbuatan hamba kepada Allah. Maka, al-Qadariyyah bertindak melahirkan pandangan berkenaan *qudrah*, *iradah* dan *‘ilm* Allah agar fahaman akidah mereka memenuhi dua sudut utama dalam isu *af‘al al-‘ibad* iaitu sudut Tuhan dan sudut hamba.

Pandangan al-Qadariyyah mengenai *qudrah* Allah ke atas perbuatan hamba bertitik-tolak daripada pandangan mereka mengenai qadar Allah dalam isu *af‘al al-‘ibad*. Menurut Imam Ahmad bin Hanbal, qadar ialah *qudrah* Allah. Manakala Abu al-Wafa’ pula menerangkan bahawa penafian terhadap qadar juga ialah penafian terhadap *qudrah* Tuhan ke atas penciptaan perbuatan hamba, takdirnya dan penentuannya (Ibn Qayyim, t.th: 61). Oleh yang demikian, sesiapa yang menafikan qadar Allah juga sebenarnya dia telah menafikan *qudrah* atau kuasa Allah ke atas perbuatan hamba.

Berdasarkan pendapat para ulama di atas, dapat dipastikan bahawa al-Qadariyyah juga menafikan *qudrah* Allah ke atas perbuatan hamba. Dalam isu *af‘al al-‘ibad*, al-Qadariyyah telah menafikan qadar Allah. Mereka mengatakan bahawa suatu perkara itu terjadi tanpa qadar daripada Allah, yakni perkara itu tidak ditakdirkan oleh Allah. Melalui penafian terhadap qadar Allah ini, al-Qadariyyah telah melakukan penafian terhadap *qudrah* Allah ke atas perbuatan hamba. Mereka menafikan bahawa Allah Taala berkuasa mencipta, mentakdir dan menentukan perbuatan hamba. Dengan ini, jelaslah bahawa al-Qadariyyah menafikan *qudrah* atau kuasa Allah ke atas perbuatan hamba.

Di samping itu, al-Qadariyyah berhujah bahawa sepertimana hamba-hamba tidak berkemampuan ke atas *af‘al Allah*, begitu juga Allah tidak berkuasa ke atas *af‘al al-‘ibad*. Menurut Ibn Qayyim (t.th: 112), al-Qadariyyah berpendapat bahawa perbuatan hamba tidak termasuk di bawah kuasa Allah sepertimana perbuatan Allah tidak termasuk di bawah kemampuan hamba. Tambahnya lagi, sepertimana hamba-hamba tidak disifatkan dengan *maqdur* Allah, seperti itu juga Allah tidak disifatkan *maqdur* hamba. Dengan kata lain, sepertimana hamba tidak mampu mengadakan perbuatan Allah, begitu juga Allah tidak berkuasa mencipta perbuatan hamba.

Rumusannya, al-Qadariyyah menafikan *qudrah* Allah ke atas perbuatan hamba. Mereka menafikan bahawa Allah Taala berkuasa mencipta, menentukan dan mentakdirkan perbuatan hamba. Penafian mereka ini adalah lanjutan daripada penafian mereka terhadap qadar Allah. Apabila al-Qadariyyah menafikan qadar Allah, sebenarnya al-Qadariyyah telah menafikan *qudrah* Allah ke atas perbuatan hamba. Seterusnya, al-Qadariyyah berhujah bahawa sepertimana hamba-hamba tidak berkemampuan ke atas perbuatan Allah, begitu juga Allah tidak berkuasa ke atas perbuatan hamba.

Pandangan al-Qadariyyah tentang Sifat *al-Iradah*

Berkenaan *iradah* Allah pula, al-Qadariyyah juga menafikan *iradah* Allah ke atas perbuatan hamba. Penafian al-Qadariyyah terhadap *iradah* Allah adalah lanjutan daripada penetapan mereka terhadap kemahuan hamba dalam isu *af' al al-'ibad*. Mengenai kemahuan hamba, al-Qadariyyah berpandangan suatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang hamba adalah mengikut kemahuan hamba itu sendiri.

Melalui pandangannya itu, al-Qadariyyah sebenarnya telah menafikan *iradah* Allah ke atas perbuatan hamba. Mereka menafikan bahawa perbuatan hamba terjadi dengan kehendak Allah Taala. Menurut Muhammad Abu Zuhrah (t.th: 106), al-Qadariyyah berpendapat perbuatan hamba adalah daripada kemahuan hamba sahaja, bukannya daripada kehendak Allah Taala. Di sisi al-Qadariyyah, Allah tidak berkehendak untuk mencipta perbuatan hamba, sebaliknya hamba itu sendiri yang berkehendak untuk mengadakan perbuatannya. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa al-Qadariyyah telah menafikan *iradah* atau kehendak Allah ke atas perbuatan hamba.

Tambahan pula, kata-kata Ma'bad al-Juhani yang masyhur pada penafian terhadap qadar Allah juga didapati mengandungi penafian terhadap *iradah* Allah Taala. Pada kata-katanya itu, setelah Ma'bad menafikan qadar Allah, beliau mengatakan bahawa suatu perkara itu mendahului. Menurut Muhammad Abu Zuhrah (t.th: 106), maksud bagi kata-kata Ma'bad al-Juhani ini ialah suatu perkara itu mendahului kehendak Allah ke atasnya. Tambahnya lagi, Ma'bad al-Juhani, menerusi kata-katanya itu, seolah-olah telah menafikan kehendak Allah yang azali. Apabila suatu perkara itu berlaku terlebih dahulu sebelum Allah berkehendak untuk menjadikannya, maka sebenarnya perkara tersebut telah pun berlaku tanpa dengan kehendak Allah Taala. Oleh yang demikian, melalui kata-katanya yang masyhur itu, Ma'bad al-Juhani telah menafikan *iradah* Allah ke atas perbuatan hamba.

Kesimpulannya, al-Qadariyyah menafikan *iradah* Allah ke atas perbuatan hamba. al-Qadariyyah menafikan *iradah* Allah dengan mengatakan bahawa perbuatan hamba berlaku dengan kemahuan hamba, bukan dengan kehendak Allah Taala. Pada pandangan al-Qadariyyah, Allah tidak berkehendak untuk menjadikan perbuatan hamba, akan tetapi hamba itu sendiri yang berkehendak untuk menjadikannya. Di samping itu, kata-kata Ma'bad al-Juhani pada penafian qadar Allah juga mengandungi penafian terhadap *iradah* Allah. Melalui kata-katanya itu, Ma'bad menafikan *iradah* Allah ke atas perbuatan hamba dengan mengatakan bahawa suatu perkara itu terjadi mendahului kehendak Allah ke atasnya. Yakni suatu perkara itu terjadi terlebih dahulu sebelum Allah berkehendak untuk menjadikannya.

Pandangan al-Qadariyyah tentang Sifat *al-'Ilm*

Berkenaan *'ilm* Allah pula, al-Qadariyyah juga menafikan *'ilm* Allah tentang perbuatan hamba. Mereka menafikan *'ilm* Allah dengan mengatakan bahawa perbuatan hamba terjadi mendahului ilmu Allah Taala tentang perkara itu. Menurut al-Imam al-Nawawi (1929: 154), al-Qadariyyah menafikan bahawa Allah telah mengetahui waktu kejadian bagi suatu perkara. Tambahnya lagi, al-Qadariyyah berpendapat bahawa ilmu Allah Taala tidak mendahului akan perkara itu. Yakni suatu perkara itu terjadi tanpa Allah mengetahui tentangnya terlebih dahulu. Sebaliknya, al-

Qadariyyah berpandangan perbuatan hamba yang mendahului ilmu Allah. Mereka berpendapat bahawa perbuatan yang dilakukan oleh hamba berlaku terlebih dahulu sebelum Allah mengetahui tentangnya.

Pendapat al-Qadariyyah ini turut terkandung di dalam kata-kata Ma^cbad al-Juhani yang masyhur pada penafiannya terhadap qadar. Di dalam kata-katanya itu, Ma^cbad mengatakan bahawa suatu perkara itu mendahului. Menurut al-Baijuri (2012: 187), pendapat Ma^cbad al-Juhani ini bermaksud suatu perkara itu mendahului ilmu Allah dalam hal kejadiannya. Yakni kejadian suatu perkara itu berlaku sebelum Allah mengetahuinya. Muhammad Abu Zuhrah (t.th: 106) juga memberikan pendapat yang sama, dan beliau menambah lagi bahawa kata-kata Ma^cbad al-Juhani itu seolah-olah telah menafikan ilmu Allah yang azali lagi qadim. Apabila suatu perkara itu terjadi sebelum Allah mengetahuinya, ia bermaksud perkara itu telah terjadi tanpa ilmu Allah Taala tentangnya. Maka, jelaslah al-Qadariyyah telah menafikan *ilm* Allah tentang perbuatan hamba.

Setelah al-Qadariyyah menyatakan bahawa suatu perkara itu terjadi mendahului ilmu Allah, mereka menegaskan pula bahawa Allah hanya mengetahui perkara itu setelah ia terjadi. Menurut al-Imam al-Nawawi (1929: 154), al-Qadariyyah mengatakan bahawa Allah hanya mengetahui tentang suatu perkara setelah ia berlaku. Di sisi al-Qadariyyah, Allah Taala hanya mengetahui tentang kejadian suatu perbuatan hamba selepas perbuatan tersebut dilakukan oleh pelakunya. Khalifah ^cUmar bin ^cAbd al-^cAziz di dalam risalah penolakannya ke atas al-Qadariyyah turut menyebutkan mengenai pendapat al-Qadariyyah ini, beliau berkata (al-Asfahani, 1996: 346):

Dan kamu (al-Qadariyyah) berpendapat: Sesungguhnya perkara itu tidak menjadi pada ilmu daripada Allah sehingga ia menjadi perbuatan daripada makhluk.

Berdasarkan petikan di atas, al-Qadariyyah menegaskan bahawa suatu perbuatan hamba itu akan menjadi *ilm* Allah setelah perbuatan itu dilakukan oleh hamba. Pada pandangan al-Qadariyyah, Allah tidak akan mengetahui bila akan terjadinya suatu perbuatan hamba sehinggalah hamba melakukan perbuatan itu. Hanya setelah seseorang hamba itu menterjemahkan perbuatan yang dimahukannya kepada bentuk pelaksanaan, maka ketika itu barulah Allah mengetahui akan kejadian perbuatan hamba itu. Dengan ini, setelah al-Qadariyyah menafikan *ilm* Allah tentang hal kejadian perbuatan hamba, mereka menafikan pula keazalian dan keqadiman *ilm* Allah tentang perbuatan hamba. Melalui pendapat mereka ini, *ilm* Allah tentang perbuatan hamba tidak lagi bersifat azali lagi qadim kerana Allah tidak lagi mengetahui tentang suatu perbuatan hamba sejak azali lagi sebelum ia terjadi.

Lebih dari itu, al-Qadariyyah turut berpendapat bahawa ilmu Allah tentang suatu perbuatan hamba tidak menentukan bahawa hamba itu pasti akan melakukannya. Di sisi al-Qadariyyah, ilmu Allah tentang suatu perbuatan hamba tidak bermaksud bahawa seseorang hamba itu telah ditentukan untuk melakukan perbuatan itu. Sebaliknya, hamba itu sendiri yang akan menentukan perbuatannya mengikut kemahuannya sendiri, meskipun ia bercanggah dengan ilmu Allah Taala. Pendapat al-Qadariyyah ini telah dicatatkan oleh Khalifah ^cUmar bin ^cAbd al-^cAziz di dalam risalah penolakannya ke atas al-Qadariyyah, beliau menyebutkan (al-Asfahani, 1996: 347):

Dan kamu (al-Qadariyyah) menyangka dengan kejahilan kamu bahawa ilmu Allah tidak berupa memaksa hamba-hamba kepada apa yang mereka lakukan daripada maksiatNya, dan tidak bersifat menghalang mereka daripada apa yang mereka tinggalkannya daripada

ketaatanNya, akan tetapi dengan sangkaan kamu sepermata Allah mengetahui mereka akan melakukan maksiatNya, seperti itu juga mengetahui bahawa mereka akan mampu meninggalkannya, maka kamu telah menjadikan ilmu Allah sebagai sia-sia, kamu berkata jika hamba mahu akan dia melakukan ketaatan kepada Allah meskipun pada ilmu Allah hamba itu bukan pelaku ketaatan tersebut, dan jika hamba mahu akan dia tinggalkan maksiat, meskipun pada ilmu Allah hamba itu tidak meninggalkan maksiat tersebut.

Pendapat al-Qadariyyah di atas ini lebih menjelaskan lagi berkenaan pandangan al-Qadariyyah tentang *'ilm* Allah Taala. Berdasarkan petikan di atas, al-Qadariyyah berpendapat bahawa *'ilm* Allah tidak berperanan memastikan atau menentukan suatu perbuatan hamba itu benar-benar akan terjadi. Ilmu Allah tentang kejadian suatu perbuatan hamba tidak menjadikan seseorang hamba itu pasti akan dilakukan oleh pelakunya. Akan tetapi, pada pandangan al-Qadariyyah, hanya hamba itu sendiri yang akan memastikan sama ada dia akan melakukan perbuatan itu ataupun tidak melakukannya, meskipun tindakan yang akan diambilnya bercanggah dengan ilmu Allah tersebut. Walaupun Allah mengetahui bahawa seseorang hamba itu akan melakukan sesuatu perbuatan, hamba itu berkemampuan untuk menolaknya dan meninggalkan perbuatan itu, dan begitu juga keadaan sebaliknya. Dengan ini, benarlah kata-kata Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz bahawa al-Qadariyyah telah menjadikan *'ilm* Allah sebagai sia-sia, tidak mempunyai sebarang peranan, malah boleh ditolak dengan kemahanan dan kemampuan hamba.

Secara keseluruhannya, al-Qadariyyah telah menafikan *'ilm* Allah Taala tentang perbuatan hamba. Mereka menafikan bahawa Allah mengetahui tentang kejadian suatu perbuatan hamba. Ma'bad al-Juhani pula, melalui kata-katanya yang masyhur, menafikan *'ilm* Allah tentang perbuatan hamba dengan mengatakan bahawa suatu perkara itu mendahului ilmu Allah Taala tentangnya, yakni suatu perkara itu terjadi terlebih dahulu sebelum Allah mengetahui tentangnya. Seterusnya, al-Qadariyyah berpendapat bahawa suatu perbuatan hamba itu menjadi ilmu pada Allah setelah perbuatan itu dilakukan oleh pelakunya. Di sisi al-Qadariyyah, Allah hanya mengetahui akan waktu suatu perbuatan hamba itu berlaku hanya setelah ia dilakukan oleh hamba tersebut. Kemudiannya, al-Qadariyyah berpandangan *'ilm* Allah tidak menjadikan suatu perbuatan hamba itu benar-benar akan terjadi. Akan tetapi, pada pandangan mereka, walaupun Allah mengetahui tentang suatu perbuatan hamba, hanya hamba itu sendiri yang akan menentukan sama ada dia akan melakukan perbuatan itu atau tidak melakukannya, meskipun pilihannya itu akan bercanggah dengan ilmu Allah.

Hubungan Penafian al-Qadariyyah terhadap *al-Qudrah*, *al-Iradah* dan *al-'Ilm* Kebebasan Kehendak Manusia

Pada asalnya, tujuan utama al-Qadariyyah mendirikan konsep *af'al al-'ibad* mereka ialah untuk mempertahankan tanggungjawab hamba. Menurut al-Kawthari (t.th: 19), Ma'bad al-Juhani menafikan qadar Allah kerana ingin mempertahankan taklif dalam diri hamba. al-Jabariyyah telah mengabaikan taklif atau tanggungjawab hamba apabila mereka menisbahkan perbuatan hamba kepada Allah. Melalui penisbahan itu, hamba tidak bertanggungjawab di atas perbuatannya kerana perbuatannya itu bukan daripada pilihannya sendiri. Oleh itu, al-

Qadariyyah berhasrat untuk mempertahankan taklif hamba dengan mengeluarkan konsep *af' al-al-'ibad* mereka.

Bagi mempertahankan taklif hamba, perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah berkaitan kebebasan hamba. Hal ini kerana al-Jabariyyah telah menjadikan hamba berkeadaan tidak bebas dalam perbuatannya apabila mereka menisbahkan takdir perbuatan hamba kepada Allah Taala. Berikutan daripada itu, seseorang hamba cenderung untuk menggunakan alasan takdir Allah untuk membenarkan perbuatannya. Oleh yang demikian, amat perlu di sisi al-Qadariyyah untuk menegakkan kebebasan dalam diri hamba supaya gejala tidak baik itu tidak lagi berlaku.

Lanjut daripada itu, bagi menegakkan kebebasan dalam diri hamba, al-Qadariyyah bertindak mengeluarkan pandangan mereka tentang *qudrat*, *iradah* dan *ilm* Allah. Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, secara umumnya al-Qadariyyah menafikan *qudrat*, *iradah* dan *ilm* Allah ke atas perbuatan hamba. Pandangan al-Qadariyyah tentang sifat-sifat Allah ini didapati mempunyai peranan dalam menegakkan kebebasan hamba. Melalui pandangan mereka ini, al-Qadariyah dapat mempertahankan taklif atau tanggungjawab dalam diri setiap hamba.

Penafian al-Qadariyyah terhadap *qudrat* Allah memberikan kebebasan mutlak kepada hamba untuk mengadakan perbuatannya. Menerusi penafian mereka terhadap qadar Allah, al-Qadariyyah telah menafikan *qudrat* Allah ke atas penciptaan, penentuan dan takdir perbuatan hamba. Apabila *qudrat* Allah dinafikan daripada sebarang urusan berkaitan perbuatan hamba, setiap urusan tersebut diserahkan sepenuhnya kepada diri hamba. Hasilnya, setiap hamba memiliki kebebasan untuk mengadakan, mentakdir dan menentukan setiap perbuatan mereka kerana urusan-urusan ini tidak lagi melibatkan *qudrat* atau kuasa daripada Allah Taala.

Demikian juga halnya bagi penafian al-Qadariyyah terhadap *iradah* Allah ke atas perbuatan hamba. Penafian al-Qadariyyah terhadap *iradah* Allah pula berperanan memberikan kebebasan mutlak kepada hamba untuk memilih perbuatan yang hendak dilakukan. al-Qadariyyah berpendapat bahawa perbuatan hamba terjadi dengan kemahanan hamba, bukan dengan kehendak Allah Taala. Mereka juga berpendapat bahawa suatu perkara itu terjadi terlebih dahulu sebelum kehendak Allah ke atasnya. Dalam hal ini pula, apabila *iradah* Allah dinafikan daripada perbuatan hamba, maka perbuatan hamba hanya terjadi dengan kemahanan hamba sahaja. Natijahnya, setiap hamba mempunyai kebebasan untuk melakukan sebarang perbuatan mengikut kemahanan dan pilihannya sendiri.

Seterusnya, penafian al-Qadariyyah terhadap *ilm* Allah juga bertujuan untuk memberikan kebebasan mutlak kepada hamba ke atas perbuatannya. al-Qadariyyah berpendapat bahawa *ilm* Allah tidak mendahului kejadian suatu perkara, tetapi perkara itu yang mendahului *ilm* Allah tentangnya. Mereka juga menafikan keazalian *ilm* Allah dengan berpendapat bahawa Allah hanya mengetahui kejadian suatu perbuatan hamba setelah ia dilakukan oleh pelakunya. Menurut Sa'id Fudah (2016: 341), al-Qadariyyah berpandangan jika suatu perbuatan hamba itu telah diketahui oleh Allah sebelum ia terjadi, maka hamba itu akan dianggap sebagai dipaksa dalam melakukan perbuatan itu. Maka, mereka berpendapat bahawa *ilm* Allah seharusnya dinafikan daripada perbuatan hamba agar hamba menjadi bebas dan berkemampuan ke atas perbuatannya. Dengan ini, seseorang hamba itu akan mendapat kebebasan mutlak untuk melakukan sebarang perbuatan yang dikehendaki jika Allah Taala tidak mengetahui tentang perbuatan hamba itu sebelum ia terjadi.

Di samping itu, pandangan al-Qadariyyah tentang peranan *ilm* Allah dalam memastikan kejadian suatu perbuatan hamba juga dilihat membantu dalam menegakkan kebebasan dalam diri hamba. al-Qadariyyah berpendapat bahawa hal kejadian perbuatan hamba boleh terjadi dalam keadaan bercanggah dengan *ilm* Allah tentang perbuatan itu. Meskipun Allah mengetahui bahawa seseorang hamba itu akan melakukan suatu perbuatan, hamba tersebut berkemampuan untuk meninggalkan perbuatan itu. Begitu juga meskipun Allah mengetahui bahawa seseorang hamba itu akan meninggalkan suatu perbuatan, dia juga berkemampuan untuk melakukan perbuatan itu. Melalui pendapat ini, al-Qadariyyah telah memberikan kebebasan mutlak kepada hamba untuk melakukan perbuatannya sehingga ia boleh bercanggah dengan ilmu Allah tentangnya.

Secara keseluruhannya, pandangan al-Qadariyyah tentang *qudrat*, *iradah* dan *ilm* Allah berperanan dalam menegakkan kebebasan mutlak dalam diri hamba. Penafian al-Qadariyyah terhadap *qudrat* Allah memberi kebebasan kepada hamba untuk mengadakan, mentakdirkan dan menentukan setiap perbuatannya. Penafian al-Qadariyyah terhadap *iradah* Allah pula memberi kebebasan kepada hamba untuk melakukan sebarang perbuatan yang disukai mengikut kemahuannya dan pilihannya sendiri. Penafian al-Qadariyyah terhadap *ilm* Allah pula memastikan seseorang hamba itu tidak berada dalam keadaan dipaksa ketika hendak melakukan perbuatannya. al-Qadariyyah juga menjadikan hamba memiliki kebebasan mutlak ke atas perbuatannya dengan menjadikan perbuatan hamba boleh bercanggah dengan ilmu Allah tentang perbuatan itu.

Kesimpulan

Berdasarkanuraian di atas, dapat disimpulkan bahawa al-Qadariyyah juga menafikan sifat Allah *al-Qudrat*, *al-Iradah* dan *al-Ilm* ke atas perbuatan hamba. Mereka menafikan bahawa Allah berkuasa mencipta, menentukan dan mentakdirkan perbuatan hamba. Mereka juga mengatakan bahawa suatu perkara itu mendahului kehendak dan ilmu Allah ke atasnya. Yakni perkara itu terjadi sebelum Allah berkehendak dan mengetahui akan kejadiannya. Selain itu, al-Qadariyyah juga berpendapat bahawa Allah mengetahui tentang suatu perbuatan hamba setelah ia terjadi, dan suatu perbuatan hamba itu boleh terjadi dalam keadaan berlawanan dengan ilmu Allah tentangnya.

Pandangan al-Qadariyyah tentang sifat-sifat Allah ini mempunyai peranan dalam menegakkan kebebasan mutlak dalam diri hamba. Dengan menafikan *qudrat* Allah, hamba memiliki kebebasan untuk mengadakan dan mentakdirkan perbuatannya. Melalui penafian terhadap *iradah* Allah pula, hamba mempunyai kebebasan untuk melakukan sebarang perbuatan mengikut kemahuannya sendiri. Menerusi penafian terhadap *ilm* Allah pula, hamba tidak akan dianggap sebagai dipaksa dalam melakukan perbuatannya. Seterusnya, hamba juga memiliki kebebasan mutlak ke atas perbuatannya kerana di sisi al-Qadariyyah, hal kejadian perbuatan hamba boleh bercanggah dengan ilmu Allah tentang perbuatan itu.

Rujukan

- Abu Zuhrah, Muhammad. t.th. *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Ash'ari, Abu al-Hasan. 1976. *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*. 'Abidin: Dar Ansar.
- al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir bin Tahir. 1928. *Usul al-Din*. Istanbul: Maktabah al-Dawlah.
- al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir bin Tahir. 2010. *al-Farq bayn al-Firaq*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Baijuri. 2012. *Hashiyah al-Imam al-Baijuri 'ala Jawharah al-Tawhid al-Musamma Tuhfah al-Murid 'ala Jawharah al-Tawhid*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Fudah, Sa'id 'Abd al-Latif. 2016. *al-Sharh al-Kabir 'ala al-'Aqidah al-Tahawiyyah*. Jil. 1. t.tp.: al-Aslayn.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakr. t.th. *Shifa' al-'Alil fi Masail al-Qada' wa al-Qadr wa al-Hikmah wa al-Ta'lil*. al-Qahirah: Dar al-Turath.
- al-Kawthari, Muhammad Zahid. t.th. Mukadimah. Dlm. Ibn 'Asakir. t.th. *Tabyin Kadhb al-Muftari fima Nusiba ila Abi al-Hasan al-Ash'ari*. al-Qahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Mahmud, 'Abd al-Halim. t.th. *al-Tafkir al-Falsafi fi al-Islam*. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Mohd Haidhar Kamarzaman. 2013. Fahaman Akidah Salaf al-Salih dalam Pemikiran al-Ash'ari. Disertasi. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hazim Mohd Azhar & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2018. Keseimbangan dalam pentafsiran ayat *al-jabr* dan ayat *al-ikhtiyar*: tumpuan terhadap perbahasan *af'al al-'ibad*. al-Afskar. 20(1): 285-310.
- al-Nashshar, 'Ali Sami. 1995. *Nash'ah al-Fikr al-Falsafi fi al-Islam*. Ed. ke 9. Jil. 1. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. 1929. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Jil. 1. al-Qahirah: al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar.
- al-Shahrastani, Muhammad bin 'Abd al-Karim. 2005. *al-Milal wa al-Nihal*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 2010. *al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma'thur*. Ed. ke 3. Jil. 5. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Utwan, Husayn. t.th. *Sirah al-Walid bin Yazid min Kutub al-Tarikh wa al-Adab wa min Shi'rih*. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.